



MAJLIS DAERAH PASIR MAS IKLAN JAWATAN KOSONG

A. Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19

Klasifikasi : Pentadbiran Dan Sokongan

Kumpulan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Tetap

Jadual Gaji N19 : Min : RM 1,352.00 – Max : RM 4,003.00
(Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 100.00)

Syarat Lantikan :

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,352.00); atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,408.40); atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,464.80).
- ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional atau diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas :

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistik serta penyediaan.

B. Jawatan	: Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19
Klasifikasi	: Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan	: Pelaksana
Taraf Jawatan	: Tetap
Jadual Gaji N19	: Min : RM 1,352.00 – Max : RM 4,003.00 (Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 100.00)
Syarat Lantikan	:
i.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
	<ul style="list-style-type: none"> - Warganegara Malaysia; - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,352.00); atau - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,408.40); atau - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,464.80).
ii.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional atau diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berkaitan khidmat telefon, khidmat penerangan dan khidmat perhubungan pelanggan di peringkat agensi berkaitan seperti mengendalikan panggilan telefon (peringkat dalaman dan luaran), melayani dan membantu pelanggan yang berurusan dengan agensi dan memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh agensi.

C. Jawatan : Penghantar Notis Gred N11

Klasifikasi : Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan : Pelaksana
Taraf Jawatan : Tetap
Jadual Gaji N11 : Min : RM 1,216.00 – Max : RM 2,983.00
(Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 80.00)

Syarat Lantikan :

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lesen memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,216.00)
- ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penghantaran notis dan dokumen berkaitan kepada semua pihak yang berurusan dengan organisasi.

D. Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11

Klasifikasi : Kemahiran

Kumpulan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Tetap

Jadual Gaji H11 : Min : RM 1,218.00 – Max : RM 2,939.00
(Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 80.00)

Syarat Lantikan :

i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Mempunyai lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]; dan
- Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D : RM 1,264.15

Lesen E/E1/E2 : RM 1,310.30

Lesen F/H : RM 1,356.45

Lesen G/I : RM 1,402.60

ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.

E. Jawatan : Pembantu Awam Gred H11

Klasifikasi : Kemahiran
Kumpulan : Pelaksana
Taraf Jawatan : Tetap
Jadual Gaji H11 : Min : RM 1,218.00 – Max : RM 2,939.00
(Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 80.00)

Syarat Lantikan :

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia; dan
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM 1,218.00)
[Syarat Tambahan : Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia].
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15)
- ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/ PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Deskripsi Tugas :

Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.

CARA MEMOHON

- a. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan MDPM 1** yang boleh didapati di Majlis Daerah Pasir Mas dengan harga RM 2.00. Pembelian melalui pos hendaklah menggunakan **Wang Pos** di atas nama **Yang Dipertua, Majlis Daerah Pasir Mas beserta sampul surat saiz A4, beralamat sendiri dan bersetem RM1.00.**
- b. Satu permohonan jawatan sahaja boleh diisi menggunakan satu Borang Permohonan MDPM 1.
- c. Borang permohonan hendaklah ditandatangani dan disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, Salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil-sijil Persekolahan, sijil/diploma/ijazah yang berkaitan, keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan dan lain-lain dokumen pengesahan yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon **yang telah disahkan**.
- d. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan menyertakan bersama-sama dengan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Prestasi.
- e. Alamat Permohonan : YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH PASIR MAS
KOMPLEKS APAM PUTRA
BANDAR BARU PASIR MAS, LUBOK JONG
17070 PASIR MAS, KELANTAN
- f. Tarikh Jawatan Diiklankan: **20 MAC 2022**
- g. Tarikh Tutup Permohonan : **03 APRIL 2022**
- h. Catatan Am :
 - Permohonan yang tidak lengkap dan memenuhi syarat akan ditolak.
 - Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
 - Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD KHALIS SYAFIQ BIN MOHAMAD NOR)

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Pasir Mas

s.k. Yang Dipertua Majlis Daerah Pasir Mas – Makluman